

PM tetap lawat Chicago

BH 26 AUG 2000

Oleh Kadir Dikoh

SEPANG, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetap akan meneruskan lawatannya ke Chicago awal bulan depan walaupun tidak menghadiri kongres Persatuan Islam Amerika Utara (ISNA).

"Ya, saya akan pergi juga. Dia (ISNA) menolak tak apalah, dia yang nak bagi sangat, banyak kali dah suruh...bertahun-tahun dah. Kali ini tak nak bagi, itu hak mereka," katanya kepada pemberita sekembalinya ke tanah air, petang ini.

Beliau yang sebelum ini menghadiri Persidangan Antarabangsa Selatan Afrika 2000 di Mozambique dan mengadakan lawatan singkat ke London, tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 5.15 petang ini.

Di London semalam, Dr Mahathir dilaporkan berkata beliau tidak ambil kisah mengenai keputusan ISNA menarik balik jemputan kepada beliau untuk berucap pada kongres persatuan itu di Chicago bulan depan, kerana masih banyak perkara lain yang boleh dilakukannya.

Selain berucap di kongres itu, Dr Mahathir juga dijadual menghadiri majlis penyampaian anugerah kepimpinan contoh (Lariba) oleh American Finance House (AFH) di Greater Chicago; pada 1 September. Lariba adalah singkatan kepada 'Los Angeles Reliable Investment Bankers Associates.'

Anugerah itu bagi mengiktiraf sumbangan Dr Mahathir yang sepatutnya menjadi teladan, dalam merangka hala tuju baru pembangunan ekonomi, dasar kewangan, kepelbagaian budaya dan persefahaman kaum.

Ditanya pemberita sama ada ISNA mempunyai kai-

CC

Saya akan pergi juga. Dia (ISNA) menolak tak apalah, dia yang nak bagi sangat, banyak kali dah suruh...bertahun-tahun dah. Kali ini tak nak bagi, itu hak mereka

DR MAHATHIR MOHAMAD

tan dengan badan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu.

Pada kongres itu, Timbalan Presiden Keadilan, Dr Chandra Muzaffar turut dijadual menyampaikan ucapan.

Isnin lalu, Setiausaha Agung ISNA, Sayyid M Syeed, m.emberitahu Agence France Presse (AFP) bahawa ahli persatuan itu akan mengadakan bantahan jika Dr Mahathir muncul pada perhimpunan ISNA di Rosemont, Illinois, pada 1 hingga 4 September depan.

Menurut laporan agensi asing itu, kepemimpinan persatuan terbabit berasa anggoranya tidak puas hati terhadap hukuman penjara yang dijatuhkan terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini.

Sementara itu, Imam Besar Masjid Putra, Tan Sri Abdul Kadir Talib, berkata ISNA sepatutnya mengemukakan alasan kukuh sebelum membatalkan jemputan itu kerana Islam memandang keji terhadap umatnya yang mungkir janji.

"Islam membenarkan seseorang membatalkan janji yang dibuat sekiranya ia boleh menghalang atau menda-

ngkan masalah atau ke-

mudaratan," katanya. Abdul Kadir bagaimanapun berkata, alasan ISNA yang tidak berpuas hati terhadap hukuman ke atas Anwar itu bukan dianggap boleh memudaratkan persatuan itu.

Sebaliknya, keputusan menarik balik jemputan berkenaan disifatkan untuk memenuhi kepentingan sendiri dan menghina sistem perundangan di Malaysia.

"Isna mungkin menghadapi tekanan atau didesak oleh pihak tertentu termasuk Amerika yang ingin melancarkan kebencian terhadap pemimpin pertama negara ini," katanya.

Sementara itu, Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata tindakan itu hanya merugikan penganjur.

Katanya, ISNA tidak seharusnya bersikap jumud, sebaliknya perlu bersikap terbuka dalam menerima sebarang isu.

"Keputusan mahkamah terhadap kes Anwar tidak seharusnya dicampuradukkan dengan niat untuk menjemput Dr Mahathir ke perhimpunan itu.

"Sepatutnya, ini adalah waktu yang tepat untuk mendapatkan penjelasan daripada Dr Mahathir mengenai kes Anwar," katanya.